

# TERIMA HAKIKAT PERUBAHAN: PM

Oleh Kamal Ahmad dan Izman Ismail

B.H 5 SEP 1993

SHAH ALAM: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya menerima hakikat perubahan dan menyesuaikan diri dengan keadaan semasa dan persekitaran.

"Sama ada suka atau tidak, zaman akan tetap berubah dan mereka pula perlu menerima perubahan itu.

"Tiada sesuatu yang kekal dalam keadaan statik. Semuanya berubah," kata Perdana Menteri ketika berucap melancarkan perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1993 di Taman Pertanian Bukit Cahaya Seri Alam, di sini, semalam.

Katanya, sektor pertanian perlu bersedia menerima perubahan membabitkan cara bekerja dan penggunaan peralatan lebih canggih. Ini kerana negara dijangka terus mengalami kekurangan tenaga di sektor itu sedangkan keperluan makanan dan pertanian terus meningkat.

"Jika dahulu petani menggunakan kerbau, mereka menggunakan kubota malah sekarang menggunakan jentera yang lebih besar," katanya.

"Tenaga di sektor ini juga semakin berkurangan kerana generasi baru keluarga petani dan nelayan kebanyakannya sudah berpendidikan, bekerja di kilang atau berhijrah ke bandar. Mereka tidak berminat meneruskan kerja keluarga sebagai petani atau nelayan," katanya.

"Takkanlah mereka yang berkelulusan tinggi hendak pulang menanam padi dan menangkap ikan. Sudah tentu mereka hendak buat pekerjaan yang sesuai dengan pelajaran mereka. Yang tidak berpelajaran tinggi pun ingin berhijrah untuk mencari pekerjaan yang lebih senang," katanya.

Beliau berkata, penghijrahan juga adalah hakikat perubahan yang perlu diterima.

"Kita harus sanggup menerima cabaran, termasuk cara kerja yang menggunakan alat moden untuk menghasilkan makanan lebih banyak kerana penduduk negara kini yang mencapai 18 juta orang dijangka meningkat kepada 20 juta pada tahun 2000," katanya.

Katanya, sekiranya rakyat tidak sanggup menerima perubahan dan menyesuaikan diri dengannya, mereka akan ketinggalan dan menjadi mundur.

Beliau bersyukur kerana rakyat negara ini sudah menerima hakikat bahawa mereka perlu berubah dan apa yang penting sekarang ialah ke arah mana perubahan yang hendak ditujui.

Dalam hal ini, katanya, perubahan bukan saja bermakna menukar cara untuk membuat sesuatu perkara tetapi hendaklah sesuai dengan peredaran zaman.

"Oleh kerana kita tahu kita akan berubah, kita perlu menyesuaikan diri dengan perubahan dalam diri kita dan

LIHAT MUKA 2

# Petani harus berusaha cara komersil

DARI MUKA 1

BH - 5 SEP 1993

perubahan di sekitar kita," katanya.

Katanya memang tidak boleh dinafikan bahawa cara lama adalah baik kerana ia sudahpun membawa kejayaan kepada negara ini.

Bagaimanapun, katanya, cara lama itu hanya sesuai pada zaman itu dan apabila zaman berubah, ia perlu diubah untuk

menyesuikannya dengan perubahan zaman.

Katanya, mereka yang terbabit dalam sektor pertanian perlu mengusahakannya secara komersil sehingga mampu menjadi perdagangan besar.

Beliau berkata, pilihan sama ada hendak atau tidak kepada perubahan itu terpulang kepada diri mereka sendiri kerana se-

muanya mempunyai potensi untuk menjadi petani yang cekap dan bergerak secara komersil.

Dalam hal ini, Dr Mahathir menyingkap kembali cara hidup masyarakat zaman dahulu kala yang turut berubah mengikut peredaran zaman.

Katanya masyarakat pada zaman dahulu hanya menjadi pengumpul ba-

han makanan tetapi apabila mereka sedar bahawa bahan makanan itu boleh ditanam sendiri, mereka mula mengusahakannya secara kecil-kecilan.

"Tetapi masa beredar dan masyarakat semakin bertambah. Kita tidak boleh lagi mengikut cara lama bagi menampung permintaan yang semakin tinggi," katanya.